

# SAMUDERA



SEPT 2019 BIL 71  
[www.umt.edu.my](http://www.umt.edu.my)

*Selamat Hari  
Merdeka  
ke-62*



# Sidang Redaksi

## **PENAUNG**

NAIB CANSELOR UMT  
YBHG. PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR

## **PENASIHAT**

TIMBALAN NAIB CANSELOR HEPA  
YBHG. PROFESOR TS. DR CHE MOHD RUZAIDI GHAZALI

## **EDITOR PENGURUSAN**

TIMBALAN PENGARAH PPHKP  
DR. IZAN BINTI DATO' HAJI JAAFAR

## **KETUA PENGARANG**

MPP EXCO PUBLISITI DAN PENERBITAN  
SITI NURKHAIRUNNISA BINTI MOHAMAD SHARIFF

## **TIMBALAN KETUA PENGARANG**

MPP EXCO TEKNOLOGI DAN MULTIMEDIA  
NISA SYAFIQAH BINTI RAMLI

## **PEMBACA PRUF**

MOHAMMAD ASYRAF ADHWA BIN MASIMEN

## **PEREKA**

SITI NURKHAIRUNNISA BINTI MOHAMAD SHARIFF  
DEBRA MADULI  
NUR MIRRAH 'AFINA BINTI ZALID

## **WARTAWAN**

TENGKU NURIAH TENGKU ABDUL RAHMAN  
DEBRA MADULI  
EVONNE  
NUR MIRRAH 'AFINA BINTI ZALID  
MUHAMMAD ISYAM IDRIS  
KASMAWATI BT SAMAILA  
ARISSA BT MOHD ARSHAD  
NURURL AIYANI ALIPHIAN  
NAZIRA JIMMY  
MUHAMMAD ZULHAFIZUDDINI  
MUHAMMAD HASYIMI HASYIM BIN MOHD SUDIN  
ANDI PUTERA AMIRUL BIN MAHRI

Hak Cipta Terpelihara © 2019.  
Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang  
mana-mana bahagian artikel,  
ilustrasi dan isi kandungan buku  
ini dalam apa juga bentuk dan  
dengan apa cara sekalipun sama ada  
secara elektronik, fotokopi, mekanik,  
rakaman, atau cara lain sebelum  
mendapat izin bertulis daripada  
Pengarah Penerbit UMT, Universi-  
ti Malaysia Terengganu, 21030 Kua-  
la Nerus, Terengganu, Malaysia.

# Isi KANDUNGAN

SEPTEMBER 2019 | Edisi 71



## INFO ADDIN

RUMAH IBADAT PERTAMA DIBINA

5

## AKADEMIK

COMMEMORATION OF INTERNATIONAL DAY FOR MINE AWARENESS & ASSISTANCE IN MINE ACTION

6



## KESUKARELAWANAN

-PROGRAM KASIH RAMADAN 2019:

RAIKAN ANAK-ANAK ISTIMEWA

-PROGRAM IFTAR PERDANA BERSAMA ANAK YATIM & PROGRAM EDARAN

BUBUR LAMBUK PPSTM

-PROGRAM TRANSFER KNOWLEDGE

7

8

9



## KELAB

-HIKING BUKIT MARAS KELAB HEVOTECH

-KELAB KEBUDAYAAN SARAWAK (KKS) COMEBACK

-KELAB HEVOTECH TRAINING OF TRAINER

10

11

12

## KESIHATAN

TIPS FOR A GOOD MENTAL HEALTH

13

## ISU TERKINI

STUDENT UNION & AUKU

14- 15

## KARYA PELAJAR

16-21





# BICARA

## KETUA PENGARANG



Siti Nurkhairunnisa Binti Mohamad Shariff

*Assalamualaikum dan Salam UMT Cita Warisan*

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dapat juga majalah Samudera edisi ke-71 berjaya disiapkan untuk tatapan warga Universiti Malaysia Terengganu.

Pertama sekali, saya sebagai ketua pengarang mewakili ahli sidang redaksi 2019 amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk membuat catatan yang boleh diselitkan dalam helaian majalah Samudera ini. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pentadbiran kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada saya bagi mengalas jawatan ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua yang berkerjasama bagi merealisasikan penghasilan majalah ini.

Bagi pengetahuan semua majalah Samudera ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dimana kami seramai empat orang bersatu dan menggabungkan idea bagi menghasilkan majalah ini. Majalah ini merupakan salah satu platform bagi pelajar memperkenalkan kelab mereka dengan mencoretkan aktiviti- aktiviti kelab yang dijalankan di UMT. Selain itu, pelajar juga dapat mengembangkan bakat mereka dalam penulisan.

Saya berharap agar kerjasama yang berterusan daripada mahasiswa/i secara khususnya dan bimbingan dari pihak penerbit yang tidak jemu memberi sokongan padu selama ini dapat menggembeling usaha bersama bagi menjadikan majalah ini dikenali oleh semua warga UMT.

Selamat menyambut hari kemerdekaan yang ke 62.

*Khairunnisa*



# *Rumah Ibadat Pertama Dibina*

*Firman Allah dalam Surah Ali Imran : 196*

*Maksudnya: "Sesungguhnya Rumah Ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah yang di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia"*

## **SIAPAKAH YANG MEMBINA KAABAH?**

*Ringkasan Sejarah Pembinaan Kaabah :*

**PERTAMA: Binaan Malaikat**

**KEDUA: Binaan Nabi Adam AS**

**KETIGA: Binaan Shith bin Adam**

*(tiada dalil yang sahih)*

**KEEMPAT: Binaan Nabi Ibrahim AS dan  
Nabi Ismail AS**

Sumber: Laman Rasmi Mufti Wilayah Persekutuan



## Commemoration of International Day for Mine Awareness & Assistance in Mine Action

### ASEAN Regional Mine Action Centre (ARMAC)

Written by:  
Evonne

“When I started counting my blessings, my whole life turned around”, Willie Nelson.  
I was honoured to be representing Malaysia as one of the youth delegates to attend the ‘Commemoration of International Day for Mine Awareness and Assistance in Mine Action’ organised by ASEAN Regional Mine Action Centre (ARMAC) in Phnom Penh, Cambodia on 3-4th April 2019. This seminar provides that opportunity for ASEAN youths to explore challenges of landmines and other explosive remaining remnants of war (ERW) in ASEAN countries. Summary of the seminar:

- On the 1st day, the students visited National Centre for Peacekeeping, Forces, Mines, and ERW Clearance (NP-MEC) and had the opportunity to see remnants of explosives/mines, listen and learn how the peacekeeping forces work to remove ERW/mine underground. After that, we visited Bantaey Prieb, a vocational school for disabled mine/ERW survivors where they are trained to gain technical skills and build their career.
- On the 2nd day, we attended a conference where global NGO leaders shared their experience on mine-clearance and -support efforts. Selected ASEAN student representative also shared their artwork/essay.



Coming from oceanographic background, I focused only on the environmental pollution caused by mine/ERW explosion when writing the essay to be submitted for this seminar. Additionally, I could only understand theoretically the devastating and heart-wrenching effects of mine/ERW through photos and articles on the Internet. It was only when I went to places mentioned above, especially Bantaey Prieb, listen to peers from mine-affected countries such as Vietnam and Myanmar telling stories about victims, I suddenly realised that I am extremely lucky and privileged to be born, living safe and healthy in Malaysia.

I will never fully understand the chaos, struggles and hardships of people from mine-affected countries going through every single day. It is hard to raise awareness on this issue among Malaysian because mine action is irrelevant to our country. I can contribute by listening to their stories, learning from their experiences and sharing them. The people I have met through this experience is remarkable and amazing: their dedication, passion towards their job, selflessness and perseverance inspires me so much to be a better and always be appreciative, thankful in life!



*To my fellow Malaysian youth: Be appreciative and always find happiness in life! We are so fortunate to be living in Malaysia we call home!*



# PROGRAM KASIH RAMADAN 2019

## RAIKAN ANAK- ANAK ISTIMEWA

9 Mei. Kuala Nerus. Bersempena bulan Ramadan yang penuh barakah, Kelab Wanita, Universiti Malaysia Terengganu (MUTIARA UMT) dengan kerjasama Badan Amal Wanita Profesional Terengganu, Selangor dan Wilayah Persekutuan (BERKAT) mengambil peluang untuk mengadakan Program Kasih Ramadan 2019. Program tahunan ini diadakan bagi meraikan seramai 120 orang pelajar sekolah yang terdiri daripada anak-anak yatim, anak istimewa dan golongan asnaf yang telah dikenal pasti bersama pihak sekolah yang terpilih.

Profesor Dato` Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, selaku Pengerusi BERKAT dan merangkap Naib Canselor UMT berkata, ia merupakan salah satu aktiviti khidmat masyarakat kepada pihak yang memerlukan. Di samping itu, untuk memberikan peluang kepada golongan pelajar yang kurang bernasib baik untuk meraikan hari lebaran yang bakal tiba tidak lama lagi. Sumbangan ini sudah pasti dapat meringankan beban keluarga mereka menjelang perayaan Aidilfitri nanti. "Pihak BERKAT dan MUTIARA UMT menyediakan kelengkapan pakaian raya yang terdiri daripada baju kurung, baju Melayu, kasut dan songkok. Pelajar bersama guru pengiring dibawa ke pasaraya berhampiran Kuala Nerus bagi bersama-sama untuk memilih keperluan pakaian hari raya untuk pelajar," ujar beliau.

Tambah beliau, selain sumbangan pakaian hari raya, program iftar Ramadan turut diadakan untuk meraikan pelajar yang terlibat. Sumbangan duit raya juga akan diberikan agar ia boleh digunakan dengan sebaik-baiknya untuk membeli keperluan persekolahan nanti.

Nor Ashikin Hasan, Penolong Kanan Pendidikan Khas, Sekolah Menengah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot, yang turut sama terlibat mengiringi pelajar berkata, pihak sekolah mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas kejayaan BERKAT dan MUTIARA UMT mengadakan program amal sebegini yang mana ianya dapat memperkasakan kolaborasi strategi antara persatuan, universiti, sekolah bersama komuniti setempat.

Profesor Dato` Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuklah pihak agensi, sektor korporat dan orang perseorangan yang memberikan sumbangan dan penajaan bagi menjayakan Program Kasih Ramadan 2019. Turut tidak dilupakan ucapan sekalung tahniah kepada sukarelawan, pelajar dan kakitangan UMT yang turut sama berganding bahu membantu sepanjang program itu diadakan. Turut hadir ke program tersebut adalah Prof Madya Ts. Dr Noraida Haji Ali, Pengerusi MUTIARA UMT.



Disediakan oleh:  
Tengku Nuriah Tengku Abdul Rahman



## Program Iftar Perdana Bersama Anak Yatim & Program Edaran Bubur Lambuk PPSTM

Pada 18 Mei 2019 yang lalu, buat pertama kalinya Harvest Evolutionary Technology Club (HEV-OTECH) dan Food Science Club (FSC) telah bekerjasama bagi mengadakan Program Iftar Perdana Bersama Anak Yatim dan juga Program Edaran Bubur Lambuk Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM) bersempena bulan Ramadhan. Seramai 40 orang anak yatim daripada Rumah Anak Yatim Darul Akhyar telah dijemput bagi memeriahkan majlis berbuka puasa. Majlis berbuka puasa tersebut turut disertai oleh mahasiswa dan mahasiswi PPSTM. Selesai berbuka puasa, majlis diteruskan dengan pemberian ceramah dan diakhiri di Pusat Islam Sultan Mahmud di mana pelajar dan anak-anak yatim tersebut telah menunaikan solat isyak dan solat sunat tarawih berjemaah.

Sementara itu, Program Edaran Bubur Lambuk pula telah dilaksanakan di Kolej Siswa UMT. Program bermula seawal 9 pagi di mana pelajar telah memasak dan menyediakan bubur lambuk. Sebanyak 400 bekas bubur lambuk telah berjaya disediakan dan diagihkan kepada pelajar-pelajar di kolej siswa.

Program-program ini telah disambut baik oleh pelajar-pelajar UMT dan telah berjalan dengan lancar. Diharapkan program-program seperti ini dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang oleh semua kelab di UMT. Akhir kata, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dan tidak lupa juga kepada semua pihak yang sudi menghulurkan sumbangan ikhlas bagi memastikan program ini berjalan dengan baik.





# Program Transfer Knowledge



Program Transfer Knowledge (PTK) merupakan program pertama yang dijalankan oleh Badan Unit Beruniform Kor Sisa UMT. PTK adalah satu program di mana ilmu yang kami pelajari selama mengikuti Badan Unit Beruniform Kor Sisa perlu diajarkan kepada orang lain. Oleh itu, kami memilih

Sekolah Kebangsaan Tok Jembal untuk mempraktikkan pengetahuan yang kami peroleh. PTK juga adalah sebahagian dalam skop pembelajaran kami sebagai ahli Kor Sisa.

Pada 7 April 2019, Pasukan Kor Sisa UMT telah menjalankan program ini pada sesi pagi di Sekolah Tadika SK Tok Jembal. Di sini, kami mengajar beberapa ilmu yang kami pelajari seperti teknik menyelamatkan diri daripada kebakaran. Manakala, pada sesi petang kami focus kepada pelajar sekolah rendah di mana pelajar yang terlibat ialah pelajar darjah 5. Untuk sekolah rendah, kami telah membuat beberapa check point untuk mengajar mereka secara bergilir. Salah satu check point tersebut adalah teknik ikatan, teknik first Respon- den Live Support (FRLS), teknik balutan, teknik usungan dan banyak lagi.



Program Transfer Knowledge siri kedua dilakukan pada bulan yang sama iaitu 16 April 2019. Kali ini pasukan Kor Sisa UMT menfokuskan kepada pelajar Sekolah Menengah pula. SESMA merupakan sekolah yang telah kami pilih untuk menjalankan program ini dan pelajar yang terlibat adalah pelajar badan beruniform SESMA. Kami juga membuat beberapa check point untuk mengajar pelajar di sekolah tersebut secara bergilir. Program ini juga dalam pengetahuan pengarah PPAL iaitu Dato Dr. Sa- haruddin Bin Abd Hamid yang merupakan juga Timbalan Komandan Kor Sisa UMT. Ketika program ini berlangsung, kami telah mendapat lawatan secara mengejut daripada pihak Dato. Program seperti ini sangat bagus untuk diteruskan kerana berkongsi ilmu kepada orang lain adalah salah satu sifat yang sangat digalakkan.





## HIKING BUKIT MARAS KELAB HEVOTECH



Pada 15 Mac 2019 yang lalu, kelab akademik Hevotech telah menganjurkan program mendaki bukit di Bukit Maras, Batu Rakit, Terengganu. Program ini merupakan program pendakian yang pertama dianjurkan oleh Kelab Hevotech dan seramai 150 peserta yang terdiri daripada ahli kelab Hevotech Universiti Malaysia Terengganu beserta ahli jawatankuasa Kelab Hevotech yang terlibat dalam program ini dan diiringi oleh seorang pengiring dari Pusat Kesihatan Universiti UMT .

Pendakian ini mengambil masa selama 1 jam. Senamrobik dilakukan sebelum memulakan pendakian dan beberapa checkpoint telah diletak untuk mengelakkan sebarang kecederaan atau masalah ketika mendaki. Hal ini juga untuk memastikan keselamatan peserta terjamin ketika mendaki. Setelah sampai ke puncak, para peserta juga bergotong-royong membersihkan kawasan puncak Bukit Maras “Sambil bersenam, Sambil beramal”.



Program mendaki bukit ini diadakan untuk menggalakkan pelajar untuk melakukan aktiviti yang sihat pada hujung minggu serta memberi kesedaran akan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar. Pengarah Program Hiking Bukit Maras Hevotech, Arissa Bt Mohd Arshad berkata, program ini berjaya menarik perhatian pelajar lain dan walaupun laluan bukit Maras agak cerun untuk sampai ke puncak, semua peserta berjaya menamatkan pendakian dalam masa lebih kurang sejam sahaja dan tiada sebarang kecederaan yang berat berlaku sepanjang pendakian. Hal ini disebabkan para peserta teruja untuk melihat pemandangan indah di puncak bukit Maras yang menjadi bualan ramai.

Pelbagai komen positif dari para pelajar dan juga penduduk yang tinggal di kawasan Bukit Maras mengenai program ini setelah program berlangsung. Diharapkan program sebegini dapat memberi impak positif kepada semua pelajar dan semoga program ini dapat dijalankan lagi pada masa hadapan. Semoga Kelab Hevotech dapat bergerak maju seiring dengan kelab-kelab akademik yang lain.

Disediakan oleh:  
Arissa bt mohd Arshad



# KELAB KEBUDAYAAN SARAWAK (KKS) COMEBACK



## • 15th Mac 2019 •

Kelab Kebudayaan Sarawak (KKS) University of Malaysia Terengganu had participated in Malam Bumi Kenyalang, an annual Sarawak cultural dance event of University of Science Malaysia (USM) where universities from across Peninsular Malaysia join in. After 9 years of not participating, KKS finally made a comeback this year by winning both Best Performance and Best Choreography which was led by our very own dancer Alexandar Lunggang Anak Laja. We tailored the dancer's dresses on our own, practice daily with the help of PKU mirror and generate our own dance step according to the rules and regulations of the competition within less than 2 months. We cooperated with Kelab Mahasiswa/i Sabah (KEMASIS) and Persadatari to help us as we do not have enough dancers. Thanks to them, we were able to send 14 dancers on stage and perform our Alu Alu Dance, a Melanau cultural dance. It was a very pleasant journey for our team.

Disediakan oleh:  
Nurul Aiyan Aliphian



# Kelab Hevotec Training of Trainer (TOT)

Training of Trainer (TOT) merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Kelab Hevotech UMT. Program ini dijalankan selama 3 hari 2 malam iaitu pada 28 Februari 2019 yang bertempat di Berhulu Camp Jempol, Negeri Sembilan.

Pengarah Program, Siti Norini bt Mat Sarif mengadakan program ini untuk mengeratkan silaturahim antara majlis tertinggi serta majlis EXCO serta memupuk semangat kepimpinan dalam diri peserta. Pelbagai aktiviti menarik yang telah dijalankan sepanjang program berlangsung untuk memberi pengalaman baru kepada peserta, bak kata pepatah inggeris, Experience is the best teacher.

Pada 28 Februari para peserta telah berkumpul di tapak konvo UMT untuk bertolak ke Berhulu Camp Jempol dan telah menjalankan pelbagai aktiviti menarik pada hari pertama seperti aktiviti pengukuhan kumpulan serta banyak lagi. Pada hari kedua, peserta juga telah menjalankan pelbagai aktiviti seperti berhulu cergas, rakit berpasukan, rentas halangan berlumpur, kembara hutan lipur dan banyak lagi. Peserta memulakan hari ketiga dengan berhulu cergas, gotong-royong serta majlis penutup.


Program ini telah berjaya mencapai objektif iaitu mengeratkan silaturahim antara majlis tertinggi dan majlis EXCO kelab Hevotech disamping memberi pelbagai pengetahuan baharu kepada peserta terutama kepada peserta yang pertama kali menjejakkan kaki ke Negeri Sembilan. Peserta juga dapat memupuk semangat kepimpinan yang kukuh sebagai persediaan untuk menerajui kepimpinan kelab Hevotech ke arah yang lebih baik



Disediakan oleh:  
Nazira jimmy

TIPS  
FOR A  
GOOD

# Mental Health



**EXERCISE REGULARLY  
SPEND TIME WITH  
FRIENDS AND FAMILY**



**DISCUSS  
PROBLEMS  
WITH SOMEONE  
TRUSTWORTHY**



**SEEK  
PROFESSIONAL  
HELP**



**GET SUFFICIENT  
SLEEP AND REST  
EAT BALANCED FOOD**



## DID YOU KNOW?

Based on survey carried out in Kesihatan dan Morbiti Kebangsaan 2016, 29.2% Malaysian above the age of 15 years old suffer from mental health issues. It is alarmingly high, take good care of your mental health and the people around you.

Together We Light



Penubuhan Student Union dan pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) merupakan salah satu aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memberi ruang aktivisme dan juga autonomi kepada mahasiswa. Kita boleh lihat sahaja sejak beberapa bulan ini pelbagai konferens dan bengkel berkenaan Student Union telah dilaksanakan.

Perlu kita fahami Student Union adalah satu badan pelajar yang mengawal aktiviti dan menguruskan mahasiswa secara umumnya. Jika lihat institusi pendidikan di barat seperti Universiti Cambridge dan Universiti Oxford, Student Union bergerak kerja umpama Hal Ehwal Pelajar (HEP) di dalam universiti. Dalam erti kata, jika merujuk kepada struktur Student Union yang sebenar, HEP bukan lagi badan utama yang menguruskan mahasiswa.

# Student Union & AUKU

Pelbagai persoalan yang timbul bila perkara ini dibincangkan antaranya:

- Adakah HEP dalam universiti sudah tidak ada dan digantikan sepenuhnya oleh Student Union?
- Apakah kuasa autonomi yang mahu diberikan kepada Student Union?
- Bagaimana pula akta AUKU sebelum ini fungsinya adalah untuk mengawal selia aktiviti pelajar adakah akan dimansuhkan?
- Siapakah yang akan melatih Student Union dari segi mentadbir dan menguruskan aktiviti pelajar?

Dan pelbagai lagi persoalan yang belum menemui titik temu tentang perkara ini. Tetapi adakah Student Union yang ingin diwujudkan di institusi pendidikan hari ini perlu mengikut acuan seperti Universiti Cambridge dan Universiti Oxford.

Selaku mahasiswa yang pernah terlibat dalam bengkel penubuhan Student Union, kegagalan kita sendiri adalah kerana tidak menetapkan definisi versi Student Union yang diinginkan dan juga kuasa autonomi yang mahu diberikan kepada Student Union.

Maka beberapa perkara yang saya boleh jelaskan adalah :

- (1) Student Union adalah penjenamaan semula daripada Majlis Perwakilan Pelajar tetapi kuasa autonomi yang diberikan lebih besar.
- (2) Sistem dan struktur pentadbir pelajar diterima pakai dari sistem pentadbiran Malaysia sebagai mekanisme holistik.

Asas bidang kuasa yang mesti diberikan kepada Student Union:

- Diberikan hak untuk meluluskan dan menguruskan program.
- Diberikan hak untuk menjaga dana dan menguruskan kewangan.
- Diberikan hak untuk terlibat dalam membuat keputusan dalam pentadbiran universiti.
- Diberikan hak untuk mentadbir aktiviti dan kebajikan mahasiswa.

Selain itu, antara 'rukhsah' yang boleh diberikan kepada Student Union adalah:

- Bangunan khas untuk mentadbir dan menyelia aktiviti mahasiswa.
- Diberikan pengkreditan sepanjang tempoh lantikan.

[AUKU]

Bagi merealisasikan perkara ini, beberapa seksyen dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971(AUKU) perlu dipertimbangkan:

- (1) Seksyen 15A(1): Cadangan pindaan (mahasiswa mempunyai autonomi untuk menjana, memungut dan mengurus kewangan di bawah kuasa MPP)
- (2) Seksyen 16 : Membuat penelitian dan pindaan.
- (3) Seksyen 48(1A): Cadangan pindaan (MPP boleh membuat peraturan-peraturan bagi perjalanan pemilihan majlis perwakilan pelajar bagi segala perkara yang berhubung dengannya)
- (4) Seksyen 48 (11) dan Seksyen 48 (12): Membuat pindaan/ Hapus keseluruhan peruntukan.

dan beberapa lagi seksyen yang mungkin boleh diteliti dan dipinda agar autonomi kepada mahasiswa dapat diberikan sepenuhnya. Tujuannya adalah supaya mahasiswa menjadi pemegang taruh penting dalam pemutusan polisi bukan hanya jadi kumpulan yang diambil suaranya sahaja.

[KONKLUSI]

Ini adalah satu idea jangka pendek yang masih memerlukan satu garis masa pelaksanaannya, setiap universiti berhak untuk mencorakkan versi Student Union yang diinginkan. Dasar yang telah diberikan perlu disepakati. Saya menyambut baik usaha daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkasakan autonomi mahasiswa agar generasi yang akan datang lebih berdaya saing dan kritis. Proses membumikan ke peringkat akar umbi melalui perbincangan, pertemuan dan perbahasan perlu digiatkan. Kerana pada akhirnya "Kitalah penentu naratifnya".



# KARYA PELAJAR



# Tanahku Malaysia



Meriam dilontar berselang peluru,  
Berdentum bunyi seluas angkasa,  
Bersiapnya pintar melawan seteru,  
Pertahan pertiwi aman sentosa

Sengketa dikerah bernoktah sudah,  
Menyemai tulus semangat paduka  
Terlakar sejarah tarikhnya indah,  
31 ogos hari merdeka

Pahlawan rebah menghunus senjata,  
Khidmat dan tekad dijulang warisan,  
Empat belas buah negeri sekata  
Bebas berdaulat menyusun zaman

Pacak bendera seluas laman,  
Laungan merdeka sepanjang kota,  
Bersatu bangsa penuh keazaman,  
Pertahan negara maruah dibela

Si baju hijau langkahnya gagah,  
Janji menjulang amanah nusa  
Pingatmu berkilau lambangnya megah  
Jalur Gemilang dihati sentiasa

Hasyimi Hasyim







# Tanah Air

Engkau Tanah Air  
pemilik perut yang berbudi  
penampung hujan penyedut sinar mentari  
lahirlah anakmu dari semaian petani

Engkau Ibu Murni  
dengan jasa abadi  
berdetik didenyut nafas kami  
kerna kita satu sama dipunyai

Telah kau rasa  
segala seperti kami  
dalam ngeri perang dadamu dibongkar besi  
di mana-mana wajahmu tak pernah mati

Tapi begitu  
sejarah hidup zaman berzaman  
pernah merangkul pahlawan kemerdekaan  
mereka sujud dalam kaku  
mohon perlindungan

Bukankah dengan  
kasih dan harapan  
kau tenggelamkan mereka dalam dakapan  
di mana bunga ganti nisan bertaburan

Negara baru  
di atas rongga jantungmu  
akan tertegak bertapak dalam kebebasan  
cinta antara kita wahyu dari Tuhan.

Tongkat Warran  
1956



# ***MERDEKA BERSEJARAH***

Bermula di Melaka titik bersejarah,  
Saatnya tercipta daulatkan diraja,  
Di ambang merdeka bebas penjajah,  
Bersatulah bangsa cintakan negara.

Jika diingat pastinya pilu,  
Saat bangsa bermimpikan derita,  
Rintih keringat pejuang dahulu,  
Usah persia makmurkanlah negara.

Pembelot durjana menjadi taruhan,  
Bergadaikan bangsa negara yang runtuh,  
Tauladan lama jadi ingatan,  
Bersatu teguh di cerai roboh.

Tanah Melayu menjadi saksi,  
Tempat bertumpah darah pahlawan,  
Negara maju bumi pertiwi,  
Takkan merekah kekalkan berzaman.

6 dekad terbela maruah,  
Legenda perajurit pertahanan negara,  
Haruslah tekad agungkan sejarah,  
Biarlah perit sekali cuma.


Andi Putera



# **LAGU NEGARAKU**

*Lambang Identiti  
Negara*

- DI SEBALIK PENCIPTA LAGU KEBANGSAAN-



Apabila disebut tentang siapakah yang mencipta Facebook, pasti ramai yang dapat menjawab dengan mudah iaitu Mark Zuckerberg. Tetapi bagaimana pula dengan persoalan bahawa siapakah yang mencipta lagu kebangsaan Negaraku? Sudah tentu tidak semua dapat menjawabnya. Pernahkah anda tertanya-tanya siapakah gerangan yang mencipta lagu yang dinyanyikan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Beliau merupakan Allahyarham Saiful Bahri, anak kelahiran Payakumbuh, Sumatera Barat. Ramai sedia maklum bahawa lagu Negaraku digubah daripada lagu Negeri Perak. Melodi atau lagu Negeri Perak ini berasal daripada Pulau Mahe, Kepulauan Seychelles lalu dibawa pulang oleh Sultan Abdullah dan dijadikan lagu Negeri Perak (Allah Lanjutkan Usia Sultan). Pada ketika itu kerajaan telah menawarkan wang berjumlah RM1000 kepada penggubah lagu untuk mencipta seni kata lagu rasmi negara dengan menggunakan melodi lagu Negeri Perak dalam satu pertandingan yang diadili Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 5 Ogos 1957.

Dari situ seni kata gubahan Allahyarham Saiful Bahri yang merupakan seorang komposer lagu telah berjaya terpilih untuk dijadikan lirik lagu rasmi lagu kebangsaan iaitu lagu Negaraku.

**Karya lain Saiful Bahri:**

- Bahtera Merdeka
- Barisan Kita
- Malaysia Berjaya
- Gajah Malaysia
- Samudera Kita
- lagu Selangor; Duli Yang Maha Mulia
- lagu Melaka; Melaka Maju Jaya,
- lagu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) lirik nukilan Usman Awang
- lagu mengikat dua negara serumpun Semalam Di

*Negaraku  
Tanah tumpahnya  
darahku,  
Rakyat hidup,  
Bersatu dan maju,  
Rahmat bahagia  
Tuhan kurniakan,  
Raja kita,  
Selamat bertakhta,  
Rahmat bahagia,  
Tuhan kurniakan,  
Raja kita,  
Selamat bertakhta.*





**FOLLOW AND  
LIKE US ON**



*penerbitumt  
officialmppumt  
pphkpumt*



**MEDIA SISWA**